



MAJLIS PERBANDARAN Pengerang
JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di **Majlis Perbandaran Pengerang**:

BIL.	JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	JUMLAH
1.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U5	Pelaksana	Perubatan dan Kesihatan	Tetap/ Kontrak Interim	1
2.	Pembantu Khidmat Am	H1	Pelaksana	Kemahiran		2
3.	Penolong Pegawai Senibina	JA5	Pelaksana	Kejuruteraan	Kontrak	1
4.	Penolong Jurutera	JA5	Pelaksana	Kejuruteraan		1
5.	Juruteknik Komputer	FT1	Pelaksana	Sistem Maklumat		1
6.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N1	Pelaksana	Pentadbiran dan Sokongan		4
7.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W1	Pelaksana	Kewangan		1
8.	Pembantu Penilaian	W1	Pelaksana	Kewangan		2
9.	Pembantu Kemahiran	H1	Pelaksana	Kemahiran		1



**BORANG PERMOHONAN
JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN Pengerang**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:
02 SEPTEMBER 2026**

CARA MEMBUAT PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Pengerang dengan mengimbas kod QR borang permohonan atau melalui pautan <https://forms.gle/qaiNi4N6U854jrxY7>.
2. Syarat lantikan:
 - i. Warganegara Malaysia,
 - ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan,
 - iii. Wajib Lulus dengan Kepujian (**sekurang-kurangnya Gred C**) dalam subjek Bahasa Melayu di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
 - iv. Permohonan Jawatan Gred 1 haruslah memiliki sekurang-kurangnya 6 kredit (**Gred C ke atas**) dalam enam mata pelajaran berbeza di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk subjek Bahasa Melayu.
3. Semua permohonan hendaklah disertakan:
 - i. Ringkasan maklumat peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja (*resume*),
 - ii. Salinan sijil tamat persekolahan/sijil berhenti sekolah (Sekolah Menengah) yang telah disahkan,
 - iii. Salinan lesen memandu (jika ada),
 - iv. Salinan sijil SPM dan/atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM) yang telah disahkan,
 - v. Salinan sijil pendidikan tertinggi (Ijazah/Diploma/STPM) yang telah disahkan, dan
 - vi. Salinan semakan pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui laman web interaktif <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah).
4. Permohonan bagi **jawatan Gred U5 dan JA5** adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertakan satu (1) video yang mengandungi penerangan serta jawapan kepada soalan-soalan berikut:

Soalan bagi jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, U5:

'Mengapa anda berminat untuk bekerja di Majlis Perbandaran Pengerang dan apakah salah satu isu di Pengerang ketika ini yang anda rasa anda boleh bantu selesaikan melalui jawatan yang anda pohon?'

Soalan bagi jawatan Penolong Pegawai Senibina, JA5:

'Mengapakah anda berminat untuk memohon jawatan Penolong Pegawai Senibina, JA5 dan apakah pandangan anda mengenai kepentingan reka bentuk bangunan yang mesra alam dan mampan dalam pembangunan semasa?'

Soalan bagi jawatan Penolong Jurutera, JA5:

'Pada pendapat anda, apakah aspek yang paling penting yang perlu diberi perhatian oleh seorang Penolong Jurutera semasa mengendalikan projek atau kerja-kerja teknikal? Berikan alasan anda'

5. Pemohon digalakkan menghasilkan rakaman video yang menarik dan kreatif dan perlu dimuat naik ke dalam borang permohonan yang disediakan. Setiap video yang dihantar perlu dinamakan semula (*rename*) dengan mengandungi maklumat berikut : (Nama Pemohon_No.Kad Pengenalan_Jawatan yang dipohon)

Rakaman video hendaklah dihasilkan dengan memenuhi ketetapan berikut:

- i) Berdurasi tidak melebihi 60 saat (1 minit);
 - ii) Menggunakan suara pemohon sebenar.
6. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan tiga (3) laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 di bawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatan Perkhidmatan) yang perlu dibawa semasa temuduga.
7. Semua pemohon yang disenarai pendek perlu mengambil Ujian i-Psikologi, Ujian Pemahaman, Ujian Kecergasan (jika berkaitan) dan Ujian Pemanduan (jika berkaitan) berdasarkan jawatan yang dipohon. Hanya calon yang layak dan melepasi ujian-ujian tersebut akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh enam bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK:

1. Borang permohonan yang tidak lengkap.
2. Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
3. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan kerajaan.
4. Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
5. Pemohon tidak memenuhi/tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.



(NORAZMI BIN AMIR HAMZAH)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Pengerang

nah/mhh/iklanjawatankosong

